

# Pengurusan Pampasan dan Kecederaan Pekerja

Maklumat Penting untuk Pekerja



## **Mengenai WorkCover WA**

Workcover WA adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyelia sistem pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja di Australia Barat.

Ini termasuk memantau pematuhan kepada Akta Pengurusan Pampasan dan Kecelakaan Pekerja 1981, memberitahu dan mendidik pekerja, majikan dan orang lain mengenai pengurusan pampasan dan kecederaan, serta menyediakan sistem penyelesaian pertikaian yang bebas.

### **Penafian**

Risalah ini bertujuan untuk memberikan maklumat am sahaja. Anda tidak sepatutnya bertindak atau tidak bertindak atas dasar apa-apa yang terkandung di dalam ini. Anda harus mendapatkan nasihat undang-undang/profesional yang sewajarnya mengenai keadaan khusus anda.

## Kandungan

Mengenai WorkCover WA .....	2
Matlamat pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja .....	4
Proses Tuntutan .....	5
Pemilihan pengamal perubatan yang merawat .....	6
Tinjauan oleh pengamal perubatan majikan .....	7
Apa hak saya? .....	7
Bayaran pampasan mingguan .....	8
Akaun dan invois .....	10
Pengurusan kecederaan .....	10
Program kembali bekerja .....	11
Apakah pemulihan vokasional? .....	12
Pemilihan penyedia pemulihan vokasional .....	12
Kewajipan majikan untuk mengekalkan pekerjaan .....	12
Apa yang terjadi jika saya diberhentikan atau meletak jawatan? .....	13
Apa yang terjadi jika saya mendapat pekerjaan lain? .....	13
Kuasa untuk memberi kebenaran .....	13
Hubungan berguna yang mungkin anda perlukan .....	14
Maklumat lanjut .....	14

Risalah ini memberikan anda maklumat asas mengenai sistem pampasan dan proses pengurusan kecederaan pekerja.

Maklumat terperinci mengenai sistem dan proses tersebut boleh didapati di laman web WorkCover WA di [www.workcover.wa.gov.au](http://www.workcover.wa.gov.au) atau dengan menghubungi perkhidmatan maklumat telefon Khidmat Nasihat di nombor 1300 794 744.

## **Matlamat pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja**

Matlamat utama Akta Pengurusan Pampasan dan Kecelakaan Pekerja 1981 (Akta) adalah untuk memberi pampasan kepada pekerja yang mengalami kecederaan di tempat kerja dan menyokong pengurusan kecederaan bagi membolehkan pekerja yang cedera untuk kembali bekerja.

Pekerja yang mengalami kecederaan atau penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan dan perlu mendapatkan rawatan perubatan dan/atau tidak boleh bekerja disebabkan oleh kecederaan, berhak untuk menuntut pampasan pekerja.

## Proses tuntutan

Untuk mengemukakan tuntutan pampasan pekerja, anda perlu mengikut langkah di bawah.

Dapatkan pertolongan cemas dan laporkan kecederaan kepada majikan

Berjumpa doktor pilihan anda secepat mungkin dan dapatkan surat akuan doktor. Ini dikenali sebagai Workers' Compensation First Medical Certificate (Sijil Perubatan Pertama Pampasan Pekerja)

Dapatkan borang tuntutan dari majikan anda, lengkapkan dan serahkan bersama Sijil Perubatan Pertama kepada majikan anda.

Majikan anda mesti melengkapkan bahagian mereka dalam borang tuntutan dan menyerahkannya bersama dengan sijil perubatan kepada syarikat insurans mereka **dalam masa 3 hari kerjaan**.

Syarikat insurans mempunyai masa 14 hari untuk menilai tuntutan dan boleh:

Menerima tuntutan

Hak pampasan pekerja anda bermula

Mempertikaikan tuntutan

Tiada hak diberikan - anda boleh mempertikaikan keputusan

Tangguhkan tuntutan

Tiada hak diberikan-syarikat insurans memerlukan masa lebih lama untuk membuat keputusan

### Apa akan jadi jika anda tidak bersetuju dengan keputusan?

Syarikat insurans majikan anda mempunyai proses penyelesaian pertikaian dalaman.

Anda boleh meminta mereka untuk menilai semula keputusan mereka.

Direktorat Penyelesaian Pertikaian adalah sebuah badan bebas yang membicarakan dan menghakimi pertikaian yang mungkin berlaku di dalam sistem pampasan pekerja.

Untuk maklumat lanjut mengenai mengemukakan permohonan dengan Direktorat, hubungi Khidmat Nasihat WorkCover WA di nombor 1300 794 744.

Anda juga boleh lawati [www.workcover.wa.gov.au/Dispute+Resolution](http://www.workcover.wa.gov.au/Dispute+Resolution)

Tuntutan anda dianggap dipertikaikan jika syarikat insurans menasihati anda yang mereka mempertikaikan tuntutan anda atau masih belum membuat keputusan mengenai tuntutan anda selepas 10 hari memaklumkan anda yang mereka memerlukan maklumat lanjut.

Jika syarikat insurans gagal memberi jawapan dalam masa 14 hari dari tarikh tuntutan dikemukakan kepada mereka, maka anda berhak untuk mendapat bayaran pampasan mingguan.

Dalam mana-mana satu daripada keadaan ini anda boleh mengemukakan pertikaian dengan Direktorat Penyelesaian Pertikaian. Hubungi Khidmat Nasihat WorkCover WA untuk maklumat lanjut.

Ketika tuntutan anda sedang dinilai, anda boleh mempertimbangkan untuk meminta majikan anda membayar kepada anda sebarang cuti terakru (seperti cuti tahunan atau sakit). Ini tidak akan menunjukkan yang liabiliti telah diterima, tetapi boleh memberikan sokongan kewangan sementara untuk anda ketika keputusan tentang liabiliti sedang dibuat. Jika tuntutan diluluskan, bayaran pampasan mingguan pekerja akan bermula dan cuti anda perlu dikembalikan

### **Pemilihan pengamal perubatan yang merawat**

Anda boleh memilih pengamal perubatan yang merawat anda sendiri.

## Tinjauan oleh pengamal perubatan majikan

Majikan anda atau syarikat insurans mereka boleh merujuk anda kepada pengamal perubatan pilihan mereka sebelum atau selepas tuntutan anda diterima. Anda dikehendaki untuk menghadiri janji temu ini untuk pemeriksaan perubatan sahaja.

Anda tidak boleh dikehendaki menghadiri tinjauan perubatan:

- lebih kerap daripada sekali setiap dua minggu
- pada bila-bila masa selain waktu yang munasabah
- dengan lebih daripada tiga pengamal perubatan yang pakar dalam bidang perubatan yang sama.

Jika anda tidak menghadiri janji temu tanpa alasan yang munasabah, enggan menjalani pemeriksaan, atau dalam sebarang cara menghalang pemeriksaan, hak anda untuk menerima pampasan mungkin akan digantung.

## Apa hak saya?

Setelah tuntutan anda diterima, anda boleh mengakses berbagai-bagai hak untuk membantu anda dalam pemulihan dan kembali bekerja.

Anda boleh menerima pampasan untuk:

- perbelanjaan rawatan perubatan dan rawatan kesihatan bersekutu
- kehilangan gaji
- kos perjalanan dan penginapan serta elaun makan
- pemulihan vokasional untuk membantu anda kembali bekerja.

Had dikenakan atas jumlah pampasan yang boleh anda terima untuk setiap hak.

Jumlah pampasan maksimum yang anda boleh terima semasa tempoh tuntutan anda dari segi bayaran mingguan untuk kehilangan pendapatan dipanggil Prescribed Amount (Jumlah Ditetapkan). Terdapat juga jumlah maksimum untuk perbelanjaan perubatan dan pemulihan.

Jumlah Ditetapkan diindeks secara tahunan, oleh itu jumlah ini berubah pada permulaan setiap tahun kewangan. Jumlah ini diterbitkan di laman web WorkCover WA.

Terdapat juga hak tambahan yang boleh didapati untuk kecederaan dan penyakit yang serius. Hak tambahan ini mempunyai kriteria kelayakan yang ketat dan merangkumi:

- Elaun latihan semula khusus, jika penting untuk kembali bekerja, dengan syarat pekerja memenuhi semua kriteria latihan semula,
- Hak perubatan keadaan luar biasa sehingga \$250,000 untuk pembedahan dan penjagaan pasca pembedahan, dan
- Penyelesaian jumlah pukal dalam keadaan yang tertentu.

Maklumat lanjut mengenai hak anda tersedia dalam risalah Menerima hak pampasan pekerja.

## **Bayaran pampasan mingguan**

Majikan anda mesti mula membuat bayaran mingguan kepada anda jika tuntutan anda diterima oleh syarikat insurans dan doktor anda telah mengesahkan yang anda tidak layak sepenuhnya atau sebahagiannya untuk bekerja.

Terdapat dua cara mengira gaji anda, bergantung pada syarat pekerjaan anda.

## 1. Jika anda dibayar di bawah award industri

Untuk 13 minggu pertama anda menerima:

- Kadar award gaji anda serta
  - Sebarang award berlebihan atau bayaran perkhidmatan
  - kerja lebih masa, bonus dan elaun yang dikira secara purata sepanjang 13 minggu sebelum terjadinya kehilangan upaya

Dari minggu ke 14 dan seterusnya anda menerima:

- Kadar award gaji anda serta
  - Sebarang award berlebihan atau bayaran perkhidmatan yang dibayar dengan kadar tetap
  - sebarang elaun yang dibayar dengan kadar tetap dan berkaitan dengan jumlah dan pola jam yang dikerjakan
  - lain-lain elaun yang ditetapkan oleh peraturan
- kerja lebih masa, bonus dan sebarang elaun lain dikecualikan

## 2. For non award workers

Untuk 13 minggu pertama anda menerima:

- Purata pendapatan mingguan anda serta
  - Kerja lebih masa, bonus dan elaun yang dikira secara purata
  - sepanjang 12 bulan sebelum terjadinya kehilangan upaya

Dari minggu ke 14 dan seterusnya anda menerima:

- 85% daripada purata pendapatan mingguan anda

Bayaran mingguan dibayar dengan cara yang biasa dan pada hari gaji biasa anda. Jika anda tidak menerima bayaran mingguan anda dalam cara ini, anda harus

1. Berbincang dengan majikan anda dan memeriksa jika terdapat isu atau kelewatan dalam membuat bayaran mingguan anda
2. Jika anda tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dengan majikan anda, berbincanglah dengan syarikat insurans majikan anda untuk mendapatkan bantuan mereka
3. Jika anda telah mencuba kedua-dua pilihan di atas tanpa sebarang kejayaan, hubungi Khidmat Nasihat WorkCover WA di 1300 794 744 untuk mendapatkan maklumat.

## **Akaun dan invois**

Apabila tuntutan telah diterima, hantar secepat mungkin kepada majikan anda atau syarikat insurans mereka semua akaun dan invois berkaitan dengan rawatan perubatan dan lain-lain hak pampasan pekerja yang diluluskan.

## **Pengurusan kecederaan**

Pengurusan kecederaan adalah proses di mana anda, bersama dengan majikan anda serta pengamal perubatan yang merawat anda, bekerjasama sebagai satu pasukan untuk membantu anda kekal bekerja, atau kembali bekerja selepas mengalami kecederaan di tempat kerja.

Majikan anda dikehendaki mempunyai sistem pengurusan kecederaan setempat. Ini mestilah berbentuk penerangan bertulis tentang langkah yang akan diambil apabila kecederaan berlaku. Penerangan ini merangkumi butiran hubungan orang yang bertanggungjawab ke atas sistem pengurusan kecederaan di tempat kerja anda.

Majikan anda mesti menyediakan untuk anda salinan sistem pengurusan kecederaan jika anda memintanya.

## **10 WorkCover WA - Pengurusan Pampasan dan Kecederaan Pekerja Maklumat Penting untuk Pekerja**

## Program kembali bekerja

Majikan anda dikehendaki menubuhkan program kembali bekerja untuk anda jika doktor anda menunjukkan pada Sijil Perubatan Pertama atau Kemajuan anda bahawa anda:

- sihat sebahagiannya untuk kembali bekerja dalam pekerjaan biasa anda, atau
- sihat sepenuhnya atau sebahagiannya untuk kembali bekerja dalam pekerjaan alternatif.

Ini perlu dilakukan dengan persetujuan anda dan mesti secara bertulis.

Program kembali bekerja harus merangkumi:

- nama anda dan nama majikan anda
- penerangan matlamat program kembali bekerja
- tindakan yang perlu diambil dan siapa yang perlu melakukannya
- kenyataan bertanda tangan sama ada anda bersetuju atau tidak dengan program tersebut.

Anda dikehendaki untuk mengambil bahagian dalam program kembali bekerja yang dipersetujui. Jika anda tidak menyertainya, majikan anda boleh memohon kepada Direktorat Penyelesaian Pertikaian untuk arahan bagi mengurangkan malah memberhentikan bayaran mingguan anda.

Sebarang perubahan yang perlu dilakukan untuk program kembali bekerja hasil daripada nasihat doktor yang merawat anda juga mesti dibuat dengan persetujuan anda dan secara bertulis.

Majikan anda mesti memberikan anda dan doktor yang merawat anda salinan program kembali bekerja dan sebarang perubahan yang dibuat ke atas program.

## Apakah pemulihan vokasional?

Pemulihan Vokasional adalah perkhidmatan khusus yang boleh membantu anda kekal bekerja atau kembali bekerja dalam pekerjaan yang bersesuaian. WorkCover WA meluluskan syarikat penyedia pemulihan vokasional dan bayaran untuk perkhidmatan mereka diliputi dalam hak anda. Untuk mendapatkan senarai penyedia yang diluluskan sila hubungi Khidmat Nasihat WorkCover WA atau lawati laman web kami.

## Pemilihan penyedia pemulihan vokasional

Pasukan pengurusan kecederaan patut membincangkan keperluan untuk merujuk anda kepada penyedia pemulihan vokasional, tetapi anda berhak untuk memilih syarikat penyedia pemulihan yang mana anda ingin gunakan dan anda mungkin diminta untuk menandatangani dokumen yang menyatakan anda faham dan telah membuat pilihan ini. Anda mungkin ingin berbincang dengan pengamal perubatan anda atau majikan anda berkenaan cadangan mereka.

## Kewajipan majikan untuk mengekalkan pekerjaan

Jika anda mencapai keupayaan separa atau penuh untuk bekerja dalam masa 12 bulan dari hari anda berhak menerima bayaran pampasan mingguan anda, majikan anda dikehendaki memberikan anda jawatan yang anda pegang serta-merta sebelum hari tersebut, selagi munasabah dan praktikal untuk berbuat demikian.

Jika pekerjaan tersebut tidak tersedia atau anda tidak lagi mampu untuk melaksanakan pekerjaan tersebut, majikan anda mesti menyediakan jawatan serupa yang anda mempunyai kelayakan dan kemampuan untuk melakukannya, dengan status dan gaji yang setanding.

Jika majikan ingin memberhentikan pekerja dalam tempoh 12 bulan yang tersebut di atas, mereka mesti memberikan pekerja notis bertulis 28 hari tentang niat mereka itu. WorkCover WA mesti dimaklumkan tentang niat ini pada masa yang sama.

## **Apa yang terjadi jika saya diberhentikan atau meletak jawatan?**

Jika anda disahkan sama sekali tidak sihat untuk bekerja, majikan anda masih lagi bertanggungjawab untuk membayar bayaran pampasan mingguan pekerja yang sewajarnya dan hak anda di bawah Akta, walaupun anda telah diberhentikan atau meletak jawatan.

Jika anda disahkan tidak sihat sebahagiannya untuk bekerja dan anda diberhentikan atau meletak jawatan, dalam sesetengah keadaan majikan mungkin terus bertanggungjawab untuk membayar bayaran pampasan pekerja yang sewajarnya.

## **Apa yang terjadi jika saya mendapat pekerjaan lain?**

Anda mesti memaklumkan majikan anda atau syarikat insurans mereka secara bertulis dalam masa tujuh hari jika anda memulakan pekerjaan lain. Anda mungkin masih berhak menerima bayaran kehilangan upaya separa dan faedah yang lain.

## **Kuasa untuk memberi kebenaran**

Untuk membantu dalam pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja anda mungkin diperlukan untuk memberikan kebenaran bertulis untuk majikan dan doktor anda berbincang di antara satu sama lain. Ini juga boleh diberikan pada Sijil Perubatan Pertama dan borang tuntutan.

Anda harus maklum bahawa jika anda tidak memberikan

kebenaran, mungkin sukar bagi majikan dan syarikat insurans anda untuk menentukan liabiliti bagi tuntutan anda.

## **Hubungan berguna yang mungkin anda perlukan**

Untuk pertanyaan mengenai keselamatan sosial, dan pertanyaan mengenai bagaimana penerimaan bayaran pukal dalam penyelesaian tuntutan pampasan pekerja boleh menjejaskan hak keselamatan sosial anda, sila hubungi Centrelink di nombor 13 27 17.

Untuk isu yang menjejaskan cukai peribadi anda, sila hubungi Pejabat Percukaian Australia di nombor 13 28 61.

Untuk pertanyaan mengenai isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan, sila hubungi talian maklumat WorkSafe di nombor 1300 307 877.

Untuk maklumat berkenaan kadar gaji dan syarat award sila hubungi Wageline di nombor 1300 655 266.

Anda juga mungkin ingin menghubungi kesatuan pekerja anda untuk mendapatkan maklumat dan nasihat.

Untuk perkhidmatan kaunseling kecemasan sila hubungi Crisis Care di nombor (08) 9223 1111.

## **Maklumat Lanjut**

Maklumat dalam risalah ini bertujuan sebagai pengenalan ringkas kepada *Akta Pengurusan Pampasan dan Kecederaan Pekerja 1981*.

Perkhidmatan maklumat dan penerbitan tambahan boleh didapati melalui telefon atau secara peribadi daripada:

WorkCover WA  
2 Bedbrook Place  
Shenton Park 6008  
Telephone: (08) 9388 5555  
Facsimile: (08) 9388 5550

Khidmat Nasihat : 1300 794 744  
TTY (cacat pendengaran): (08) 9388 5537  
Laman web: [www.workcover.wa.gov.au](http://www.workcover.wa.gov.au)  
E-mel: [postmaster@workcover.wa.gov.au](mailto:postmaster@workcover.wa.gov.au)

Khidmat Nasihat adalah perkhidmatan maklumat melalui telefon yang menyediakan maklumat am mengenai pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja.

Maklumat juga tersedia dalam format alternatif untuk orang kurang upaya, termasuk gelung audio tersedia dengan notis 48 jam untuk mereka yang cacat pendengaran.

Perkhidmatan jurubahasa yang dibayar oleh WorkCover WA boleh didapati dengan memberi notis terlebih dahulu.

Direktorat Penyelesaian Pertikaian menimbang tara mengenai perkara yang dipertikaikan di antara pihak yang berkenaan.

Seminar maklumat untuk pekerja yang cedera diadakan dari semasa ke semasa secara percuma. Maklumat lanjut tersedia pada Kalendar Peristiwa di [www.workcover.wa.gov.au](http://www.workcover.wa.gov.au) atau melalui Khidmat Nasihat di nombor 1300 794 744.



2 Bedbrook Place  
Shenton Park  
Western Australia 6008  
[www.workcover.wa.gov.au](http://www.workcover.wa.gov.au)  
[wa.gov.au](http://wa.gov.au)

**telefon** 08 9388 5555  
**faksimile** 08 9388 5550  
**khidmat nasihat** 1300 794 744  
**TTY** 08 9388 5537  
**e-mel** [postmaster@workcover.wa.gov.au](mailto:postmaster@workcover.wa.gov.au)